



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.5/2019

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.24 SEMENYIH, SELANGOR

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim** pada **14 Januari 2019** berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.24 Semenyih** berikutan kematian penyandangannya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **Yang Berhormat Allahyarham Tuan Bakhtiar bin Mohd Nor** pada 11 Januari 2019.

Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **18 Januari 2019 (Jumaat), jam 8.30 pagi** bertempat di **Ibu Pejabat SPR, di Menara SPR, Putrajaya**. **Mesyuarat Khas** tersebut akan dipengerusikan oleh **Pengerusi SPR, Y.Brs Encik Azhar Azizan Harun**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Satu sidang media akan diadakan sejeurus selepas mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 15 Januari 2019 / 10 Jamadil Awal 1440H